

**Dr Rais Minta Generasi Muda Jadi Pemangkin Gagalkan Usaha Pecah Belah Rakyat Bernama
17 Mac, 2012**

KOTA KINABALU, 17 Mac (Bernama) -- Generasi muda harus menjadi pemangkin kepada usaha mengekang niat jahat pembangkang yang menggunakan media sosial untuk melakukan serangan fitnah dan perkara lain yang bertentangan dengan norma-norma kemanusiaan.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata golongan muda yang aktif di laman sosial mampu mengubah persepsi buruk yang sedang direncanakan pihak tertentu bagi mengeruhkan kesepakatan dan keharmonian di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

"Kita perlu tentang sesiapa sahaja yang menggunakan laman sosial untuk memfitnah, merealisasikan cerita-cerita palsu yang tidak masuk dek akal dan di tangan tuan-tuan dan puan-puanlah terletaklah gemilang masa depan Sabah khususnya, dan Malaysia amnya," katanya dalam ucapan merasmikan Konvensyen Media Sosial Negeri Sabah, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri Datuk Joseph Salang.

Rais berkata kementerianya sedang berusaha melengkapkan segala kemudahan yang melibatkan jalur lebar di seluruh negeri ini agar mereka dapat menggunakan media sosial bagi menangkis segala kepalsuan serta fitnah daripada pembangkang.

"Penembusan jalur lebar di negeri Sabah sehingga hari ini telah mencecah sehingga 32.9 peratus dan bagi keseluruhan Malaysia ia telah pun mencapai sehingga 62.9 peratus," katanya.

Beliau turut berharap rakyat Sabah akan mendapat maklumat yang betul bagi menangkis segala tohmahan atau adu domba pihak pembangkang untuk mengelirukan mereka dengan pelbagai fakta yang dipalsukan.

Katanya inisiatif konvensyen seumpama itu diharap akan diteruskan ke negeri-negeri lain agar mereka yang terlibat terutama golongan muda dapat berkongsi pandangan dan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata konvensyen itu telah diadakan di Kelantan serta Pahang, dan akan ke Terengganu, Kedah, Perak dan Selangor selepas ini.

Program anjuran bersama Jabatan Penerangan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu disertai kira-kira 1,000 orang termasuk pelajar universiti terbabit.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=652881>

